



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 32

RABU 8HB. OGOS, 1979.

1399 رمضان 14 رابو

PERCHUMA

AMDB BUKAN PEKERJAAN SEMENTARA

BERAKAS. — Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Kol. Pengiran Ibnu bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apeng bersabda bahawa Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei bukan-nya suatu pekerjaan sementara saja di-mana sa-seorang itu boleh masuk dan berhenti dengan sewenang2-nya. Yang Amat Mulia itu berasa dukachita kerana terdapat-nya berita yang mengatakan beberapa orang anggota pasokan yang akan berhenti kerana sa-suatu sebab. Bersabda di-Upachara Perbarisan tamat latehan bagi 58 orang rekrut di-Padang Kawat Perkhemahan Bolkliah di-sini pada hari Jumaat lalu, Yang Amat Mulia itu mengingatkan: "Dari itu saya tumpukan seruan ini kepada mereka yang berniat untuk berhenti dan meninggalkan pasokan ini supaya berfikir dan menguasai apa2 jua kesulit-

tan dengan pegawai2 mereka".

Yang Amat Mulia menaruh kepercayaan tidak ada kesulitan yang begitu rumit sa-hingga ia-nya tidak dapat di-selesaikan bersama.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara bersabda, pasokan AMDB adalah tenaga raayat yang menjadi tulang belakang negara ini dan menjadi utap di-dalam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan.

Menurut Yang Amat Mulia dalam sabda tersebut, Pasokan AMDB ketika ini sedang menjalani satu proses pembesaran dalam semua segi yang di-ator samata2 untuk memperlengkap persediaan kita menempoh kemerdekaan dalam tahun 1983.

"Untuk menjayakan objektif ini saya arahkan seruan ini kepada semua anak2 muda di-negeri ini

Lihat muka 16

Manis-nya Iman

"KALAU kamu melakukan kesalahan sekali pun kesalahan kamu itu sampai sa-tinggi langit, kemudian kamu bertaubat neschaya Allah akan memberi taubat kepada kamu." — HADITH Nabi Riwayat Ibnu Majah daripada Abu Hurairah.

PUSB TINJAU RANCHANGAN2 KEMAJUAN DI-S'PURA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang

Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim akan berlepas ka-Singapura pada hari Jumaat ini untuk memerhati/meninjau ranchangan2 kemajuan yang tertentu.

Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom di-sertai oleh lima orang Pegawai Kanan Kerajaan yang terdiri dari Pengarah Per-

jawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib; Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumaat; Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Setia Haji Talip bin Derwish; Pembantu Khas di-Pejabat Penasehat Umom, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman dan Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pg Ismail bin Pg Haji Damit.

Semasa di-Singapura, rombongan Yang Teramat Berhormat itu akan melihat rangkaian Stadium Kebangsaan Singapura, Perusahaan pembiakan ikan dan udang di-Ponggol dan juga meninjau kemudahan2 dalam bidang latehan2 kejuruan seperti Vocational and Industrial Training



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Institutes untuk pemuda-pemudi lepasan sekolah.

Rombongan Yang Teramat Berhormat itu di-jangka pulang ka-tanah ayer pada 17hb Ogos, 1979.

Sambutan Nuzul Al-Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Nuzul Al-Kor'an tahun 1399/1979 akan di-adakan serentak diseluruh negeri pada 10hb Ogos ini mulai jam 9.00 malam.

Di-Daerah Brunei-Muara sambutan tersebut akan di-adakan di-Masjid Mohammad Bolkliah, Kampong Serusop yang akan di-rasmikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Antara achara yang akan di-adakan termasuklah bacaan ayat2 suchi Al-Kor'an dan sharahan khas yang berhubung dengan sambutan tersebut.

Sementara di-Daerah Belait sambutan itu akan di-adakan di-Masjid Jamalul Alam Pekan Belait. Manakala Daerah Tutong akan mengadakan sambutan itu di-Masjid Kampong Tanjong Maya. Di-Daerah Temburong pula sambutan itu akan di-adakan di-Masjid Utama Mohammad Salleh.

Di-Masjid Mohammad Bolkliah di-Kampong Serusop pada malam itu juga akan mengadakan Majlis Khatamal Kor'an bertadur yang di-jadikan sa-bahagian dari achara sambutan itu.

Sambutan itu ada-lah dibuka kepada orang ramai.

Gaji pokok AMDB naik 25 peratus

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan meluluskan supaya sukatan pembayaran gaji pokok bagi anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei di-naikkan kepada 25% mulai dari 1hb Julai, 1979.

Sa-lain daripada itu, kenaikan bagi kornia melanjutkan jangka perkhidmatan juga telah di-luluskan.

Kenaikan2 ini hanya-lah bagi ahli2 tentera Brunei yang terdiri dari anak2 tempatan dalam pasokan itu dan tidak melibatkan askar2 pinjaman atau pekerja2 berkontrek.

Dalam tangga-gaji baru kerana hendak melanjutkan perkhidmatan, tiap2 ahli akan menerima bayaran dalam kadar dua bulan gaji pokok bagi ahli2 yang hendak melanjutkan perkhidmatan dari 5 tahun ka-10 tahun dan dari 10 tahun ka-15 tahun.

Menurut peratoran lama dalam bahagian ini tiap2 anggota yang hendak menyambung perkhidmatan hanya mendapat bayaran sa-banyak \$200.00.

Bayaran gaji pokok bagi sa-orang anggota yang hendak menyambung perkhidmatan dari 5 tahun terus ka-15 tahun dan dari 10 tahun ka-20 tahun akan di-korbankan bayaran dalam kadar empat bulan gaji pokok. Bayaran lama dalam bahagian ini hanya-lah sa-banyak \$400.00.

Bagi anggota2 yang telah berkhidmat 15 tahun dan akan melanjutkan perkhidmatan sa-lama 5 tahun lagi akan juga menerima bayaran dalam kadar dua bulan gaji pokok. Peratoran lama dalam bahagian

ini, sa-seorang anggota itu hanya di-bayar sa-banyak \$300.00.

Anggota2 yang berkhidmat 20 tahun dan akan menyambung sa-lama 5 tahun lagi yang dulunya tidak menerima apa2 bayaran, maka menurut peratoran baru itu, mereka akan menerima bayaran dalam kadar dua bulan gaji pokok.

Juruchapak AMDB menyatakan bahawa pembayaran gaji baru itu dan juga bayaran kebelakangan mungkin hanya boleh di-keluarkan pada pembayaran gaji pertama dalam bulan September ini.

Bagaimanapun, kata-nya, beberapa usaha akan di-laksanakan untuk memasukkan pembayaran kadar kenaikan gaji yang baru itu dalam pembayaran gaji bulan Ogos ini.

Pekedai2 di-ingatkan supaya jangan menaikkan harga2 barang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pekedai2 diseluruh negeri di-nasehatkan tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga2 barang dan lain2 keperluan dalam masa menjelang Hari Raya ini tanpa sebab2 yang munasabah.

Mereka ada-lah juga di-nasehatkan supaya mendapatkan bekalan2 yang menchukopi bagi memenuhi keperluan di-musim perayaan ini.

Pegawai2 dari bahagian Kawalan Harga akan melakukan pemeriksaian bagi memastikan barang2 dijual dengan harga yang berpatutan dan tanda2 harga yang betul hendaklah di-tunjukkan.

Sa-siapa yang mendapati harga2 barang telah dinaikkan melebihi dari harga2 yang sepatut-nya hendaklah melaporkan kepada Pengawal Harga, nombor talipon 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini atau kepada Pengerusi Lembaga Bandaran BSB; Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait; Pegawai Daerah Tutong dan Pegawai Daerah Temburong.

Orang ramai juga di-nasehatkan seberapa yang boleh akan dapat membeli barang2 keperluan mereka awal2 lagi demi untuk mengelakkan kesibokan menjelang Hari Raya Puasa ini.



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Kol. Pengiran Ibnu ketika memereksa barisan rekrut2 di-Upachara Perbarisan tamat latehan pada hari Jumaat lalu.

8HB OGOS, 1979



HARGA BARANG2 MENJELANG HARI RAYA

SEMENTARA ibadat puasa yang sedang kita kerjakan masuk minggu yang kedua, maka umat Islam di-negeri ini sudah mulai bersiap2 untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri, seperti membeli pechah-belah, pakaian, perhiasan rumah, perabot, kueh-mueh dan lain2 lagi. Dan tidak *kelupahan* pula ada juga di-antara mereka itu berkira2 berapa banyak wang yang akan harus di-keluarkan kerana menyambut Hari Raya itu kelak. Dalam keadaan kelim-kabut membeli barang2 untuk menyambut Hari Raya itu kita sering ternampak di-sana sini terpampang perkataan "Cheap Sale" atau "Jualan Murah Hari Raya".

Sa-perkara yang kita harus ingat dan beringat ia-lah kekuatan kewaspadaan kita supaya kita jangan sampai mudah terpengaruh sangat dengan kata2 "Jualan Murah" serta bermacam2 lagi chara untuk menarik pembeli2 itu. Kerana soal-nya ia-lah, apakah ia-nya benar2 murah dalam erti kata "murah" itu. Kalau hanya kurang 5 sen atau 10 sen ada-lah belum dapat di-katakan murah. Kalau ia-nya kurang 50 peratus dari harga kebiasaan barang2 itu di-jual, maka baru-lah sampai kepada erti murah itu. Bagaimana pun ada-lah di-harapkan pekedai2 atau penjual barang2 keperluan untuk menyambut Hari Raya itu tidak akan menaikkan harga barang2 yang di-maksudkan itu terlalu tinggi atau tidak akan mengambil kesempatan untuk mendapat untong yang berlebehe-lebehan sa-bagaimana yang di-hajatkan dengan perkataan "Cheap Sale" itu tadi.

Berikutan dengan harga "Jual Murah" itu pula, penamu2 di-tamu2 yang berselerak di-seluruh negeri ini ada-lah juga di-harapkan akan tetap berpegang pada hajat suchi mereka ia-itu untuk menolong orang ramai, terutama kalangan2 yang berpendapatan rendah dengan jualan barang2 keperluan harian dengan harga yang berpatutan. Jadi, kalau barang yang di-jual itu untong-nya sekali ganda, apa lagi berlipat2 ganda, maka hajat yang baik itu ternyata telah terurak dari genggam tangan hajat itu tadi. Oleh itu, pehak pembeli, terutama yang berpendapatan rendah, maseh belum dapat di-tolong oleh mereka. Kita kira, chukoplah keuntongan itu di-tanggok sa-chara berpada2. Kata orang, untong 10 sen atau 20 sen pada tiap2 jenis jualan itu shukor-lah.

Dalam hal ini, pehak berkuasa Pengawal Harga2 Barang, minggu ini telah memberi amaran kepada pekedai2 supaya mereka itu tidak akan menaikkan harga barang2 jualan sa-chara sewenang2, di-samping memestikan bahawa barang2 jualan mereka itu ada-lah mencukupi untuk musim menjelang Hari Raya.

Orang ramai juga di-seru supaya bekerjasama dengan pehak berkuasa Pengawal Harga2 Barang, Pengerusi Lembaga Bandaran atau Setia Usaha-nya, bagi melaporkan dalam mengawasi tindak-tandok peniaga2 yang mengambil kesempatan, menanggok di-ayer keroh dengan menchari keuntongan berlipat2 ganda di-saat menjelang Hari Raya ini.

Kerajaan sememangnya ia waspada dan akan mengambil langkah2 yang perlu bagi memestikan yang harga2 barang keperluan yang terkawal itu tidak akan di-naikkan dengan sewenang-wenang tanpa kebenaran. Dari itu kerjasama orang ramai bagi memberikan maklumat jika di-dapati ada di-antara peniaga2 yang mengambil kesempatan menjelang Hari Raya ini. "Barang2 kawalan mesti-lah di-jual kepada orang ramai dengan meletakkan tanda harga dan tidak boleh di-naikkan harga-nya tanpa kebenaran Kerajaan." Demikian amaran yang di-keluarkan oleh Kerajaan.

RALAT

"Tawarikh" ia-lah antara perkataan yang terdapat dalam *renchana* minggu lalu di-halaman ini. Sa-benar-nya, yang di-maksudkan untuk itu ia-lah "tarawih", tetapi bukan tawarikh.

Memeriahkan Ramadhan dengan TARAWIH DAN TADARUS

FADHILAT atau ke-lebihan bulan Ramadhan dari bulan2 yang lain seperti yang di-sebutkan oleh Rasulullah s.a.w. antara-nya ia-lah barangsiaapa memeriahkan-nya dengan amal ibadat—termasuk-lah sembahyang tarawih—maka di-ampunkan Allah dosa-nya yang kechil2, ia-itu dengan syarat ia berbuat demikian semata2 dengan ke-perchayaan akan fadhilat Ramadhan dan bagi memperoleh pahala hari akhirat.

KESAH

Sembahyang tarawih itu mengingatkan kita ka-zaman Rasulullah. Suatu malam Ramadhan Baginda keluar ka-masjid bersembahyang tarawih. Ramai orang turut sembahyang berimamkan Baginda. Siang esok-nya hal itu menjadi pertuturan, lalu dalam dua malam berikutan-nya semakin ramai lagi orang menyertai Baginda bersembahyang tarawih.

Kemudian, pada malam yang ke-empat-nya masjid telah penuh sesak sa-hingga tidak muat kerana orang terlalu ramai. Mengetahui hal itu, Baginda Rasulullah s.a.w. sengaja tidak keluar. Hingga-lah waktu suboh, sa-telah selesai mengimamkan sembahyang suboh Baginda pun memberitahu orang ramai bahawa Baginda sengkaja tidak keluar sembahyang tarawih bersama mereka pada malam itu kerana khuatir kehadrhan Baginda terus menerus bersembahyang tarawih bersama mereka akan menyebabkan sembahyang tersebut di-fardhukan ka-tas mereka sedang mereka tidak akan berupaya menunaikan-nya sa-bagai satu fardhu yang wajib.

HUKUM

Dari kesah tersebut di-fahamkan bahawa Rasulullah s.a.w. chuma sa-takat *mcn:unnahkan* sembahyang tarawih itu. Hukum terse-



BERTARAWIH di-sepanjang bulan Ramadhan sa-chara berjemaah ada-lah lebih afidhal daripada sa-chara berseorangan. Gambar ini menunjukkan suasana di-Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop, Jalan Muara ketika penduduk2 sekitar kawasan itu berjemaah bersembahyang tarawih.

but tidak berubah sa-hingga akhir hayat Baginda.

Di-zaman khalifah Abu Bakar As-Siddik dan di-awal zaman khalifah Umar Al-Khattab pun kedudukan itu tidak berubah. Yakni: orang bersembahyang tarawih bersendirian dan ada baik hingga sekarang. Kita juga berjemaah dalam kumpulan2 kechil.

Pendek kata, keadaan bersembahyang tarawih sa-chara 'berselerakan' di-masjid sedemikian itu menjadikan Sayidina Umar terfikir bahawa ada-lah terlebih 'ideal' kalau orang2 yang berselerakan itu berjemaah di-belakang sa-orang imam. Lalu beliau pun mengarahkan sa-orang sahabat yang qari' bernama Ubai bin Ka'ab mengimamkan orang ramai itu.

Semenjak itu-lah hingga sekarang sembahyang tarawih dalam keadaan-nya di-sunnahkan oleh Rasulullah s.a.w. serta di-atorkan beramai-ramai dengan berimamkan sa-orang imam itu terus menerus di-amalkan sa-bagai suatu chara memeriahkan malam Ramadhan.

JASA ORANG 'ALIM

Kerana itu, kita di-negeri ini yang melanjutkan amalan tersebut bukan-lah sa-mata-mata sa-bagai satu tradisi yang teradat dalam masharakat kita. Orang2 tua dahulu, terutama-nya orang 'alim yang mempunyai balai telah memper-turunkan amalan mulia bertarawih kepada anak2 murid dan anak2 buah masing2 dengan keinsafan bagi melanjutkan-nya sa-bagai chara memeriahkan bulan Ramadhan yang bererti juga menshi'arkan fadhilat-nya.

Dan kita benar2 telah mewarishi amalan baik itu berkat pimpinan mereka.

TADARUS

Tambahan kepada sembahyang tarawih itu ia-lah

achara2 bertadarus, ia-itu membacha ayat2 Al-Kor'an sa-banyak yang mungkin.

Orang2 tua kita dahulu mengusahakan majlis tadarus masing2 penoh meriah yang kemudian-nya ternyata menjadi ristaan wihs bersendirian dan ada baik hingga sekarang. Kita rasakan kesan-nya sampai kini di-mana majlis2 tadarus di-adakan tidak sahaja di-rumah2 orang biasa, di-masjid2 dan di-surau2, tetapi juga di-rumah2 pemimpin2 negara dan malah juga di-istana.

BUKAN SA-TAKAT TRADISI


Dan sekali lagi, anjoran orang2 tua kita dahulu dalam perkara tadarus ini bukan-lah sa-mata-mata tradisi kemasharakatan yang teradat. Tetapi sa-benar-nya ia mempunyai asas2 keugamaan yang kukuh.

Di-riwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pada masa hayat Baginda telah 'di-tadaruskan' oleh malaikat Jibril pada sa-tiap malam Ramadhan, ia-itu pertemuan yang di-atorkan oleh Allah bagi malaikat Jibril membachakan ayat Al-Kor'an kepada Rasulullah serta menyemak bachean Baginda itu ayat demi ayat.

Dan jangan pula lupa bahawa dalam bulan Ramadhan jua-lah Allah menurunkan wahyu yang pertama kepada junjungan kita Nabi Mohammad.

Sebab itu-lah memang sa-sungguh-nya bulan Ramadhan mempunyai kelebihhan2 yang walih dari lain2 bulan. Dan kita di-harapkan akan memperoleh fadhilat kelebihhan-nya itu dengan memeriahkan-nya sa-chara beramal ibadat.

Tarawih dan tadarus ada-lah sa-bahagian terbesar daripada amal ibadat yang istimewa di-bulan Ramadhan ini.



Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lieutenant Colonel Pengiran Ibnu inspecting the guard of honour.

58 more for RBMR

JALAN BERAKAS. — Fifty-eight recruits joined the Royal Brunei Malay Regiment as trained soldiers last week following a passing out parade which marked the end of their training.

The parade, held last Friday at the Bolkiah Camp here, was reviewed by Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lieutenant Colonel Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apang.

The Yang Amat Mulia took the salute, inspected a guard of honour and presented prizes to the outstanding recruits of the intake namely, Abu Bakar bin Metussin, Shari bin Tengah, Sigar bin Apoi and Zainal Abidin bin Abdul Hamid.

He also presented the prize for being the best instructor to Corporal Ibrahim bin Haji Umar.

During their training which lasted twenty-five weeks, the recruits were taught a wide range of military tactics including conventional and jungle warfare.

The passing out parade was attended by the Commander of the Regiment, Brigadier Dato Norman Roberts, other senior regimental officers and invited guests.

Top cops in conference

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei has been represented at the Asian Regional Conference of Interpol by two of its top police officers.

They are the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid and the Assistant Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengi-

ran Datu Penghulu Pengiran Haji Apang.

The conference which began nine days ago has also been attended by police chiefs throughout Asia.

Topics discussed are ways for the police to deal with organised crime, drug trafficking, hijacking and other crimes in the region.

Pengiran Setia Raja and Pengiran Putera Negara are scheduled to return home tomorrow.

Road will be a more efficient route

BANDAR SERI BEGAWAN. — Work on the construction of the multi-million dollar Muara-Tutong coastal highway that will provide an alternative and more efficient route to other parts of the State is progressing satisfactorily.

The highway totalling thirty-seven miles in length will have four lanes but only two will be surfaced initially, and eleven concrete bridges.

It is being constructed under two separate contracts with one contractor doing the portion commencing from Muara and ending at Jalan Jerudong, and the other from Jalan Jerudong to the present Sungai Tutong Bridge near Tutong Town.

The Muara-Jerudong Section, seventeen and a half miles in length, is being constructed by Messrs Swee Private Limited at a cost of more than \$19.9 million.

The contractor started worked in September last year and is expected to finish the job in October next year.

Despite slight delays caused by problems encountered by the contractor in the mobilisation of his plant and staff, clearing is ninety percent completed while earthworks has reach-

ed the twenty-five per cent mark.

Two links which are not included in the contract from Bandar Seri Begawan to this road are proposed and will be constructed later.

These are the Tunku Link, five and half miles long, from Jalan Gadong and the Berakas Link, two and a half miles long, from Mile Five Jalan Berakas.

The Jerudong-Tutong Section is being constructed by a Filipino firm, Messrs R.C. Gonzales who began work last February and is expected to get the road ready by November 1981.

Kite flying is dangerous

BANDAR SERI BEGAWAN. — The police have reiterated their warning on the dangers of kite flying which has again become a popular sport among children in the State lately.

More public parking spaces

BANDAR SERI BEGAWAN. — There are now more than three hundred parking spaces made available to the public by the Municipal Board here.

Under the new system which came into effect a week ago motorists now pay thirty cents for every half hour parking.

The Municipal Board expressed the hope that with the seasonal parking area being moved to Jalan Residency, the parking problem here will be greatly eased.

It is also hoped that the new system will discourage motorists from using parking spaces reserved for seasonal parking which now costs forty dollars a month.

The nineteen and a half-mile long road along which nine of the bridges will be built is costing the Government over \$39.6 million.

On completion, the road will by-pass the Tutong Town commercial centre and the nearby Royal Brunei Malay Regiment camp.

Once in use the highway will be a more efficient route and is therefore expected to draw a considerable amount of traffic from the Bandar Seri Begawan/Muara area, particularly commercial and army vehicle plying from these areas to the other parts of the State.

The police said flying kites on the roads is an offence, dangerous to the children themselves, can cause traffic hazards and endanger motorists.

It can also damage telephone wires and electric cables as well as television antennae.

The police emphasised that action would be taken against those who chose to ignore the warning.

Shopkeepers told not to raise prices

BANDAR SERI BEGAWAN. — All shopkeepers throughout the State have been advised not to take advantage of the festive season to increase the prices of foodstuffs and essential commodities unreasonably.

They have also been advised to obtain adequate supplies to meet demand during the festive season.

Officers from the Price Controller Office will be out checking to ensure that these items are being sold at reasonable prices with the price tags being correctly displayed.

Anyone discovering that

GA OFF TO S'PORE ON FRIDAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Yang Teramat Berhormat General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa will leave for Singapore this Friday to observe specific development projects in the republic.

The Yang Teramat Berhormat General Adviser will be accompanied by five senior government officials namely, the Director of Establishment, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammed Taib; the Director of Education, Dato Seri Laila Jasa Awang Hj Ahmad bin Haji Jumat; the Director of Public Works Department, Dato Setia Haji Talib bin Derwish; the Special Assistant in the General Adviser Office, Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman and the Deputy Director of Public Works Department, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit.

While in Singapore, the Yang Teramat Berhormat and his entourage will see

Four more filling stations

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State will have four new filling stations which when completed in the middle of next year will have the latest electronic pumps.

One of the stations, now in various stages of development, is in Seria and owned by the Brunei Shell Marketing Company.

As an additional facility, this station will provide training courses for employees of service stations from throughout the State.

The other three stations are being constructed in Muara, Kota Batu and Jalan Gadong.

prices have been increased

unreasonably should report the matter to the Price Controller, telephone number 25555. Economic Planning Unit, State Secretariat here or to the Chairman, Municipal Board here, the Chairman Municipal Board in Kuala Belait, the Tutong District Officer, or the Temburong District Officer.

The general public are advised, where possible, to purchase their essential commodities early in order to avoid the rush during the few days before Hari Raya Puasa.

the Stadium Singapore complex, the fish and prawn breeding concern at Panggol and will tour specialist training facilities such as Vocational and Industrial Training Institutes for school leavers.

The Yang Teramat Berhormat and his entourage are expected to return home on August 17.

Festival to be real fun

TUTONG. — His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Tutong District will climax with a beach festival at the Pantai Seri Kenangan on Sunday September 2.

The day-long festival will have numerous attractions for men and women who like to try their luck in the many contests or just mill around with the crowd sharing in the fun.

All those who are interested in taking part in the contests and in selling food and refreshment at the festival are requested to contact the Information Office here.

Civic course for overseas students

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than one hundred Brunei overseas students who are now home on vacation are expected to attend a civic course to be held at the Youth Centre here early next month.

The six-day course is being jointly organised by the Information Section of the State Secretariat, the Religious Affairs Department and the Education Department.

As part of the course, the students will be taken on familiarisation visits to places of interests in the country.

Buy for a good cause

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei National Welfare Body is now holding a three-week long Hari Raya sale at the Youth Centre here in aid of its fund.

The sale is on daily from noon to nine in the evening until August 25, and offers, among other things, textiles, jewellery, clothing, carpets and foodstuffs.

Mustahak-nya penggunaan Sastera dan Bahasa dalam masyarakat kita

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim menegaskan penggunaan sastera dan bahasa adalah sangat mustahak dalam masyarakat kita di Brunei di dalam mendorong dan mendidik diri kita sendiri dengan budi bahasa dan adab sopan santun yang melambangkan keperibadian yang luhur dan baik.

Kata-nya penggunaan sastera yang kurang sesuai samada dalam perkhap-an, perbualan atau dalam tulisan akan dapat menanamkan kadar hidup dan dari sana dapat-lah budi bahasa, adab sopan santun di-ukor orang dan di-samping itu orang akan menyatakan 'kita tidak ada bahasa'.

Berucap sa-belum merasmikan pembukaan Kuliah Pendidekan Sastera yang di-adakan di-Bilik Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Jumaat lalu, Awang Haji Yahya seterusnya menegaskan tentang ada-nya sa-tengah2 golongan yang memandang ringan terhadap peri mustahak-nya sastera atau pendidekan sastera dalam zaman sekarang terutama sekali yang memandang kemajuan teknik dan sains sa-bagai lebih perlu di-jadikan tujuan hidup.

Pandangan yang silap, kata Awang Haji Yahya lagi telah di-larutkan ka-dalam pelajaran bahasa dan sastera hingga mata pelajaran itu, chara2 peng-olahan dan pepereksaan-nya telah di-olah dengan chara bidang teknologi yang tidak perlu menggunakan bahasa yang bersastera atau bahasa yang subjektif.

Oleh kerana kebiasaan yang sa-demikian itu, pe-lajar2 kita bukan sahaja tidak dapat berbual dengan bahasa dan fikiran yang baik malahan kebolehan mereka mengarang, ber-bahas dan mengeluarkan fikiran dalam bentuk lisan amat sukar mencapai taraf yang memuaskan.

kata Awang Haji Yahya. Hal sa-umpama itu kita tidak sedari sa-chara nyata terutama sekali dalam ma-sa pelajar-pelajar itu me-nuntut di-tingkatan-tingkat menengah bawah, ujar beliau.

"Jika kesedaran terhadap kemajuan sains dan tekno-loji itu dapat menghapuskan kesedaran kemajuan sastera dan bahasa, besar kemungkinan dalam masa 10 dan 15 tahun akan datang banyak masyarakat kita akan menjadi 'babau sastera' yang tidak faham bahasa kiasan, perumpamaan dan mengibaratkan per-chakapan hanya dengan ba-hasa sa-bagai alat", jelas-nya.

Beliau seterusnya men-jelaskan bahawa fahaman terhadap bahasa sa-bagai alat dan teknik pun memerlukan penyusunan bahasa yang baik, mudah dan sem-purna serta bertata bahasa. Hasil2 karya dalam bidang itu atau pun perkhap-an2 para saintis juga memerlukan bahasa yang baik.

Kata-nya, jikalau terlalu kompleks dengan tanda2 sains yang tulen ia-nya tidak akan menarik dan menjadi hasil yang akan di-ampai-kan' begitu sahaja dalam almari.

Terdahulu dari itu, Awg Haji Yahya menjelaskan bahawa sastera adalah merupakan salah satu bi-dang yang berguna kepada pelajar2 bukan sahaja un-tok mendekatkan diri mere-ka kegaris-garis kelulusan dalam pepereksaan tetapi juga un-tok menjadikan me-reka sa-bagai manusia yang dapat menggunakan dan menutorkan bahasa dan sastera dengan baik dan sempurna.

Kuliah kali ketiga yang di-anjarkan oleh Persatuan Penulis-Penulis Brunei (AS-TERAWANI) itu telah di-sertai oleh lebih dari 200 orang penuntut Tingkatan lima dalam aliran Melayu dan Inggeris yang akan mengambil pepereksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge dan Sijil Pe-lajaran Singapura pada bulan Nobember akan datang.



KUMPOLAN Nashid ka-Musabaqah itu sedang mengadakan latehan di-bawah pimpinan Awang Idris bin Muhammad.

K'jaan hantar rombongan Nashid ka-Musabaqah membacha Al-Kor'an di-Kuala Lumpur

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menghantar satu kumpolan rombongan nashid ka-Mu-sabaqah Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an Peringkat Antarabangsa di - Kuala Lumpur tahun ini, ia-itu atas undangan rasmi dari-pada Kerajaan Malaysia.

Rombongan itu ada-lah terdiri daripada 22 orang anggota, dan sa-orang pe-mimpin-nya dari Pasokan Pencharagam Pulis Diraja Brunei. Mereka akan ber-tolak ka-Kuala Lumpur pa-da hari ini. Sementara itu rombongan Qari dan Qa-riah kita ka-Musabaqah tersebut akan bertolak pa-da 10hb Ogos, 1979.

Menurut kenyataan Pe-ngerusi Musabaqah terse-but, Yang Berhormat Tan Seri Syed Nasir bin Ismail yang telah di-siarkan oleh

akhbar Berita Minggu yang keluaran-nya pada 29hb Julai, 1979, bahawa ini-lah pertama kali-nya semenjak Musabaqah Membacha Al-Kor'an di-mulakan pada ta-hun 1960, sa-buah negara luar akan mengambil baha-gian dalam persembahan

nashid bagi memeriahkan lagi acara tersebut.

Tegas beliau, biasa-nya negara2 luar hanya meng-hantar wakil2, para hakim atau pemerhati ka-Musa-baqah tersebut. Oleh kera-na itu tambah beliau, "ta-hun ini ada-lah merupakan

tahun yang istimewa bagi negara Malaysia."

Empat buah nashid telah di-sediakan, dan sa-buah daripada-nya ada-lah kita chipta khusus dengan tajok "ILMU DAN AKAL ASAS KEIMANAN", ia-itu thema Musabaqah tahun ini.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 2hb Ogos, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN :

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
- b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
- c) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.

2. ASAM GELUGOR — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
- b) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.

3. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
- b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
- c) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
- d) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
- e) Seng Teck, No. 47, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT :

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.

2. ASAM GELUGOR — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Chop Lian Ho, No. 20, Jalan Pretty.
3. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
- a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
 - b) Ng Ming Hong, No. 101, Jalan McKerron.
 - c) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.

SERIA :

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
- b) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

2. ASAM GELUGOR — \$4.50 sa-kati boleh beli dari kedai2 berikut:—

- Yuan Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
3. KACHANG TANAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
- b) Yuan Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
- c) Chop Siong Yick, No. 54, Jalan Bunga Kuning.
- d) A. Muhammad, No. 66, Jalan Bunga Kenanga.

Tarikh terakhir mengirim Kad

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk membolehkan kad2 ucapan Hari Raya sampai ka-pada yang di-tuju sa-belum Hari Raya, Jabatan Perkhid-matan Pos telah mengumumkan tarikh2 akhir untuk mengir-im kad2 tersebut. Kad yang akan di-kirim ka-seluruh negeri hendak-lah di-kirimkan sa-belum 18hb ini sementara kad2 yang akan di-kirimkan ka-Singapura, Malaysia Barat, Sabah dan Sa-rarak hendak-lah di-kirimkan sa-belum 16hb ini.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 15hb Ogos, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Rumah Mukim Serasa	9.8.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	9.8.1979	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	*11.8.1979	Sabtu	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	*11.8.1979	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	*11.8.1979	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	13.8.1979	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	13.8.1979	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	14.8.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	14.8.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	15.8.1979	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	15.8.1979	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	15.8.1979	Rabu	11.00-12.00 T/Hari

PERINGATAN : * 11.8.1979 — Chuti Memperingati Nuzul Al-Kor'an.



SA-BAHAGIAN dari penuntut2 yang menyertai kuliah tersebut.

DI-DALAM negeri kita masjid2 terus di-perkembang, satu demi satu masjid di-dirikan, ia-itu sa-buah rumah yang utama, yang mulia, yang tidak ada lain yang boleh di-namakan "Rumah Allah" melainkan hanya khas kepada masjid. Demikian-lah, wahai orang2 Islam! masjid ada-lah rumah suci, rumah berkat, rumah yang apabila kita berjalan menuju kapadanya untuk beribadat kita mendapat pahala, apabila duduk dan melakukan ibadat beroleh ganjaran daripada Allah.

Salah satu kegunaan masjid yang utama bagi orang2 Islam ia-lah untuk mendirikan ibadat sembahyang Jumaat. Sembahyang Jumaat telah di-wajibkan sa-kali dalam sa-minggu, pada tiap2 hari Jumaat waktu Dzuhur. Firman Allah Ta'ala di-dalam Al-Kor'an surah Al-Jumaah ayat 9 yang bererti:

"Wahai orang2 yang beriman, apabila kamu di-seru untuk melakukan ibadat sembahyang pada hari Jumaat, maka hendaklah kamu bersegera mengingat Allah, dan tinggalkanlah jual beli. Hal itu ada-lah lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahui".

Dari keterangan dan konsep ayat ini mengesakan orang2 Islam supaya meninggalkan Jumaat jika tiada apa2 uzor shara'. Kerana ini ada-lah terang merupakan perintah Allah serta chukok jelas di-sebut dalam hadith2 seperti sabda-nya: yang bererti: "Barangsiapa yang meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali berturut-turut dengan sengaja, akan di-chap Allah dalam hati-nya tanda munafik".

Mudah2an sa-laras dengan perkembangan Islam di-negeri ini dan masjid2 baharu telah di-dirikan atau yang akan di-dirikan lagi, maka sikap umat Islam kita akan bertambah-tambah tegoh dengan ibadat, terutama ibadat meramai-kan masjid dan menghayatinya. Kita tidak mahu kita hanya sanggop dan mahu berbelanja membuat masjid, terutama masjid2 kampung, tetapi masjid2 itu maseh tetap sunyi, dan kedatangan orang2 berje-maah pun berturun-naik. Sungutan2 atau pengaduan2 dari pihak berkenaan masjid2 tersebut, terus-menerus di-terima, mengata-

FARDHU JUMAAT SUATU KEWAJIPAN

kan orang2 kampung ini, kampung itu tidak rajin kamajid, hari2 Jumaat hanya sa-baris dua baris sahaja yang berisi dan lain2 lagi bentuk pengaduan yang di-dengar.


Sa-patutnya perkara yang sa-umpama ini tidak harus berlaku, kerana memandangkan shari'at wajib Jumaat itu bukan-lah perkara yang berat dan susah seperti ibadat haji dan puasa umpama-nya. Paling lama orang hanya akan duduk sa-lama 1½ jam hingga 2 jam sahaja, itu pun bagi sa-siapa yang ingin mendapatkan kelebihan pahala kerana duduk di-masjid ber'iktikaf dan berzikir dan sa-umpama-nya, sedang sembahyang itu sendiri bersama khutbahnya ada-lah lebih sa-keja lagi. Pendek-nya tidak ada alasan sama sa-kali untuk mengatakan yang fardhu Jumaat itu ada-lah sukar dan berat untuk di-kerjakan. Dan demikian juga shari'at tidak mengikat-nya sa-lepas melakukan fardhu itu dari

KHUTBAH JUMAAT



melakukan kegiatan2 hidup sa-bagaimana sa-mesti-nya. Firman Allah Ta'ala menerangkan hal ini dalam Surah Al-Jumaah ayat 10 yang bererti:

"Maka manakala sahaja selesai sembahyang (Jumaat), bersurai-lah kamu di-muka bumi menchari kelebihannya, dan sebut-lah nama Allah sa-banyak2-nya mudah2an kamu berjaya".



Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang lagi telah memelok Ugama Islam di-negeri ini baru2 ini.

Mereka itu ia-lah Bikin bin Burut, 21 tahun, sa-orang pemuda Dusun berasal dari Tutong. Beliau melafadzkan ikrar Islamnya dalam satu majlis peng-Islaman yang berlangsung di-rumah Pengiran Dato Paduka Osman bin Pengiran Anak Mohd Salleh, Batu 3½ Jalan Berakas. Ia kini di-kenali sa-bagai Md Aswandy bin Abdullah (Lihat gambar — ehsan JHEU).

Manakala Wong Kim

Poon, 25 tahun, sa-orang perempuan China berasal dari Limbang, telah memelok Ugama Islam dalam satu majlis peng-Islaman yang berlangsung di-Jabatan Hal Ehwal Ugama disini. Dia kini di-kenali sa-bagai Asiah bte Abdullah.

Kedua-dua saudara baru itu melafadzkan ikrar Islamnya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kayah Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Haji Ismail bin Mat Serudin, sa-orang Pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BAHAWA ada-lah ibadat puasa ini di-wajibkan ka-atas umat Islam, ia-itu dalam sa-tahun hanya sa-bulan sahaja umat Islam diperintahkan mengerjakan sa-banyak 30 hari di-dalam bulan yang tertentu ia-itu bulan Ramadhan. Maka ada pun hikmat dan sebabnya perintah wajib puasa ini di-tentukan sa-banyak tiga puluh hari ia-lah kita dapat mengetahui apa yang pernah berlaku kepada Nabi Allah Adam, di-mana sa-lepas beliau bertaubat di-atas kesilapan-nya memakan buah khulbi di-shorga yang di-tegah keras oleh Allah. Maka Nabi Adam pun di-perintahkan oleh Allah supaya berpuasa sa-lama tiga puluh hari.

Dan puasa, ada-lah merupakan pintu ibadat, di-mana ia-nya ada-lah menjadi suatu persembahan bakti ketaatan sa-seorang makhluk kepada Allah yang telah memberi limpah kurnia dari semua segi. Buktinya boleh-lah di-nyatakan, ia-itu dengan ada-nya sa-seorang itu berjaya menunaikan surohan ibadat puasa, ini ada-lah menunjukkan salah satu daripada beberapa jalan bagi membersihkan jiwa, menyucikan hati daripada sifat2 keburokan, membuka pintu keabjikan, menimbulkan bagi sa-seorang itu menuju jalan kesedaran dan keinsafan serta boleh menjauhkan

PUASA TIMBULKAN KESEDARAN

daripada perkara dosa dan maksiat dan juga akan mendatangkan pula sifat kesabaran dalam ertikata sabar mentaati titah perintah Allah. Sabar daripada melakukan perkara2 larangan. Sabar atas kelaparan yang di-rasai. Sabar di-atas kehausan dan kedahagaan tekak.

Dalam hal ini Allah menjelaskan dengan terang:

"Sa-sungguh-nya akan di-beri sa-penoh2 pahala kebajikan kepada mereka yang sabar dengan tidak mengira banyak-nya".

Dan puasa juga ada-lah suatu ibadat yang bergantung kepada niat yang tersembunyi di-dalam hati manusia, dengan tidak menimbulkan tanda2 keriaan yang boleh menghalang daripada sah-nya ibadat puasa. Maka dalam hal ini Nabi menjelaskan dalam hadith-nya, yang bermaksud:

"Tidak ada perbuatan ria di-dalam ibadat puasa".

Oleh itu orang yang sedang melakukan ibadat puasa wajib-lah ia-nya membanyakkkan menahan kesabaran-nya. Sebab di-dalam berpuasa itu kita wajib menahan diri daripada segala kelazatan dan godaan hawa nafsu dzahir dan bathin, kita wajib memelihara semua panchaindera seperti mata, telinga, mulut atau penglihatan, pendengaran kita daripada perkara2 yang boleh merosakkan ibadat puasa. Pendek-nya hendak-lah segala anggota dzahir dan bathin turut sama2 berpuasa dalam ertikata yang sa-benar2-nya.

Oleh itu dalam kita menunaikan ibadat puasa ini peliharalah penglihatan kita daripada perkara2 yang haram. Anggota telinga pula jauhi-lah daripada mendengar lagu2 nyanyian

Bingkisan minggu ini

yang mengashikkan, jauhi-lah daripada mendengar perkataan yang kotor2, keji, umpat-mengumpat. Perut pula hendak-lah jauhi daripada di-isi dengan makanan atau minuman yang haram atau subhat. Hati jangan-lah hendak-nya di-datangai perasaan ria, hasad dengki, khianat. Begitu juga mulut, jangan-lah chuba berkata bohong, memaki hamun dan sa-bagai-nya.

Dalam konteks ini Nabi ada bersabda yang bererti:

"Apabila engkau berpuasa, hendaklah pendengaran mu, penglihatan mu, lidah mu turut juga berpuasa daripada berbuat dosa, dan melakukan perkara yang haram. Janganlah menyakiti jiran. Hendaklah berkelakuan baik dan merendah diri. Janganlah di-samakan masa puasa dan membuka puasa".

Dan dalam hadith yang lain pula Nabi bersabda:

"Siapa2 yang tidak meninggalkan perkataan2 yang sia2 dan amalan yang sia2. Maka tidak-lah ada faedah-nya bagi Allah orang yang meninggalkan makan dan minum di-waktu siang hari. Oleh itu hendaklah tiap2 sa-seorang itu menahan nafsu kemarahan-nya di-dalam masa ia berpuasa supaya jangan menjadi penak dan sia2 sahaja. Kerana tiada sanggup menjaga hikmat2 dan tujuan berpuasa".

Lawatan muhibbah

ka-S'pura

SERIA. — Sa-rombongan guru2 dan pelajar2 dewasa Daerah Belait akan membuat lawatan muhibbah sambil belajar ka-Singapura sa-lama lima hari mulai Khamis, 9hb Ogos ini.

Rombongan tersebut yang diketuai oleh Awg Tuah bin OKMD Haji Saman mempunyai sa-ramai 72 orang guru dan pelajar akan bertolak dalam dua penerbangan dengan menggunakan RBA dan SIA.

Lawatan ka-Singapura tahun ini ada-lah merupakan projek tahunan lawatan kali ke-empat keluar negeri dan di-Singapura mereka akan menjadi tetamu kepada Persatuan Guru-Guru Melayu Singapura.

Sa-ramai 32 orang dari rombongan itu akan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas pada jam 10.30 pagi dengan pesawat RBA dan 40 orang pada jam 12.15 tengah hari dengan pesawat SIA. Rombongan tersebut akan pulang pada 13hb Ogos depan.

